



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
(Chief Executive Officer)
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA
(Malaysian Qualifications Agency)

www.mqa.gov.my

OFFICIAL : Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

MQA Malaysia (@MQAMalaysia)

MQA_Malaysia



Tel : +603-7968 7044 | Faks : +603-7954 7125

NO GIFT POLICY

Flexible Education. Beyond Borders. Creating The Future

Ruj. kami : MQA.100-1/7/1 (27)
Tarikh : 25 Ogos 2017

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan,

PEKELILING MQA BIL. 3/2017

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA) SEBAGAI BADAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 14 Disember 2016 telah memutuskan supaya Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTTPK) dibubarkan. Fungsi JTTPK mengenai urusan pengiktirafan kelayakan dilaksanakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) kecuali bagi maksud pelantikan ke dalam Sektor Perkhidmatan Awam yang akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk diterima pakai oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

3. Mesyuarat MQA sebagai Badan Pengiktirafan Kelayakan yang telah diadakan bersama pihak JPA dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pada 12 Mei 2017 telah memutuskan bahawa urusan nilai taraf Perkhidmatan Awam akan dilaksanakan oleh MQA. Melalui pelaksanaan pengiktirafan kelayakan oleh MQA, **hanya program yang berstatus Akreditasi Penuh sahaja akan mengandungi maklumat nilai taraf Perkhidmatan Awam.** Sehubungan itu, program atau kelayakan yang diberikan Akreditasi Penuh bermula 01 Januari 2017 akan mempunyai maklumat tambahan berkaitan 'Nilai Taraf Perkhidmatan Awam' dalam Daftar Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Register, MQR*) sebagai rujukan umum.

4. Semua maklumat berkaitan pengiktirafan kelayakan yang diputuskan melalui JTTPK sehingga 31 Disember 2016 dikekalkan dan boleh dirujuk dalam Sistem Pengiktirafan Kelayakan (eSisraf) manakala maklumat program atau kelayakan yang diakredit bermula 01 Januari 2017 boleh dirujuk dalam MQR. Maklumat di eSisraf dan MQR boleh didapati melalui capaian berikut: <http://www2.mqa.gov.my/mqr/>.



5. Bagi PPT berstatus Swaakreditasi, program-program yang telah diakredit sendiri perlu dihantar ke MQA untuk tujuan pendaftaran dalam MQR agar maklumat berkaitan Nilai Taraf Perkhidmatan Awam dapat dijadikan rujukan kepada umum.

6. Sekiranya pihak tuan memerlukan sebarang penjelasan lanjut berkaitan dengan pengiktirafan kelayakan, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Siti Syaikhah Aminuddin** di talian **03-7968 7062**, e-mel: syaikhah@mqa.gov.my; atau **Encik Abdul Rahman Bin Laiyak** di talian 03-7968 3239, e-mel: rahman@mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang ikhlas,



(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)

E-mel: mrujhan@mqa.gov.my

s.k.

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA

5. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

6. SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA

7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR